NAMA : .....

942/1 STPM 2021

GEOGRAFI
KERTAS 1
(dua jam)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SEMESTER 1 STPM 2021

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab soalan 1 dalam Bahagian A.

Jawab sama ada soalan 2 atau soalan 3 dalam Bahagian A.

Jawab soalan 4 dalam Bahagian B.

Jawab sama ada soalan 5 atau soalan 6 dalam Bahagian B.

Ikat helaian jawapan anda bersama-sama dengan kertas soalan ini.

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
1	
Bahagian B	
4	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 6 halaman bercetak.

NAMA : .....

Bahagian A : Alam Sekitar Fizikal

(40 markah)

Jawab semua soalan.

1 *(a)* Apakah yang dimaksudkan dengan gempa bumi? [3]

.....

.....

.....

.....

(b) Huraikan kesan gempa bumi kepada persekitaran sesebuah petempatan. [6]

(i) .....

.....

.....

.....

(ii).....

.....

.....

.....

(iii).....

.....

.....

.....

NAMA : ……

(c) Jelaskan tiga langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan impak letusan gunung berapi kepada manusia. [6]

(i) ……

……

……

……

(ii)……

……

……

……

(iii)……

……

……

……

NAMA : ……

*Jawab sama ada soalan **2** atau soalan **3**. Jika anda memilih soalan **3**, jawab soalan **3(a)** atau **3(b)** sahaja. Tulis jawapan pada helaian jawapan anda. Mulakan setiap jawapan pada helaian jawapan yang baru.*

2. (a) Sejauhmanakah faktor hujan mempengaruhi proses hakisan di kawasan tropika lembab?
[13]

(b) Huraikan kesan proses luluhawa kimia terhadap aktiviti manusia.
[12]

Atau

3a. (i) Jelaskan faktor yang mempengaruhi kejadian pegerakan jisim di kawasan tropika lembab
[13]

(ii) Cadangkan langkah-langkah bagi mengurangkan kesan kejadian pegerakan jisim

[12]

3b. (i) Terangkan kesan-kesan pergerakan bumi .
[12]

(ii) Jelaskan bagaimana kejadian empat musim mempengaruhi aktiviti manusia di kawasan hawa sederhana.
[13]


NAMA : .....

BAHAGIAN B *:* Alam Sekitar Manusia

(40 markah)

Jawab **semua** soalan

4. Berdasarkan Rajah 1, jawab soalan-soalan yang berikut;



Rajah 1

(a) Nyatakan bentuk piramid penduduk pada rajah 1 di atas. [1]

.....

(b) Jelaskan ciri demografi piramid penduduk pada Rajah 1. [6]

(i) .....

.....

.....

(ii).....

.....

.....

(iii).....

.....

.....

c) Jelaskan kesan ciri piramid tersebut terhadap sosioekonomi sesebuah negara. [4]

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEMESTER 1
STPM 2021

MATA PELAJARAN : GEOGRAFI 1

SKEMA JAWAPAN

1 *(a)* Apakah yang dimaksudkan dengan gempa bumi? [3]

Gegaran-gegaran yang dirasai dipermukaan bumi. Ia berpunca daripada pusat gempa di kedalaman yang tertentu di dalam bumi. Gempa bumi adalah pergerakan mengejut permukaaan bumi disebabkan oleh pergerakan batuan di sepanjang garis sesar atau di atas persempadanan plat tektonik. Walau bagaimanapun, gempa bumi juga boleh disebabkan oleh aktiviti gunung berapi. Magnitud kekuatan gempa bumi diukur dalam pada skala richter.

(b) Huraikan kesan gempa bumi kepada persekitaran sesebuah petempatan. [6]

Kesan gempa

B1. Meretakkan, memisah dan menganjak permukaan bumi.

B2. Berlaku pencairan tanah, semasa gempa bumi berlaku, gegaran dan pemadatan boleh menambah tekanan air liang dan menyebabkan tanah jadi tepu air serta berubah sifat menjadi cecair. Bangunan akan tersengget atau meranap, salur paip mungkin timbul dan terapung disebabkan oleh tanah yang sudah mendap. Ini menganggu persekitaran kawasan petempatan.

B3. Berlaku kejadian tanah runtuh disebabkan oleh gegaran kuat menyebabkan bahagian cerun kurang stabil, bukit dan gunung curam runtuh menimpa dan memusnahkan struktur binaan di atas, di bawah dan juga sepanjang laluannya. Ini akan menjejaskan persekitaran sesebuah petempatan

B4. Kebocoran paip gas dan talian elektrik yang terputus boleh menghasilkan kebakaran yang sukar dikawal. Situasi ini akan menyebabkan persekitaran sesebuah petempatan mengalami kegemparan dan menjejaskan persekitaran sesebuah petempatan.

B5. Tsunami iaitu gelombang laut seismos berlaku apabila adanya anjakan atau rekahan besar dasar laut menyebabkan air laut jatuh mengisinya. Akibatnya alunan ombak besar terbentuk di tengah laut mencapai 800 km/j dengan panjang gelombang yang mampu memusnahkan petempatan di pinggir pantai.

B6. Perubahan rupa bumi menganjak permukaan batuan dan tanah secara menegak (pengangkatan dan penurunan), mendatar ataupun serong. Situasi ini akan mengubah bentuk muka bumi disesebuah petempatan yang dilanda gempa bumi.

B7. Struktur binaan juga akan retak dan runtuh (bangunan besar) atau pecah (empangan) atau putus (jambatan, terowong, saluran paip, jalan raya) akibat pergerakan ini. Ini akan memusnahkan infrastrutur sesebuah petempatan

* 3 isi x 2m = 6m

(c) Jelaskan tiga langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan impak letusan gunung berapi kepada manusia. [6]

Langkah mengurangkan impak letusan gunung berapi kepada manusia.

C1. Sistem amaran awal – sms, media social, hebahan radio, siren kecemasan di kawasan berisiko agar penduduk dapat menyelamatkan diri dan berada di kawasan selamat.

C2. Memindahkan penduduk di kawasan gunung berapi ke kawasan yang lebih selamat pada radius 10 km daripada gunung berapi ke kawasan penempatan semantara yang lebih selamat.

C3. Membekalkan penduduk di kawasan yang terlibat dengan pelitup separuh muka untuk mengelakkan menyedut debu halus letusan gunung berapi dan memberikan rawatan pernafasan segera kepada mereka yang berisiko.

C4. Memberikan bantuan psikologi / kaunseling / terapi kepada mereka yang trauma .

C5. Menghalang pembinaan kawasan petempatan di kawasan berhampiran dengan gunung berapi aktif.

C6. pendidikan - latihan kecemasan semasa letusan gunung berapi

* 3 isi x 2m = 6m

2. (a) Sejauhmanakah faktor hujan mempengaruhi proses hakisan di kawasan tropika lembab? [13]

Faktor hujan ,

A1. Intensiti hujan – hujan lebat kadar hakisan lebih tinggi berbanding hujan renyai

A2. Jangkamasa hujan - hujan yang berpanjangan menyebabkan hakisan lebih giat berbanding hujan dalam tempoh masa pendek

A3. kekerapan hujan

Faktor lain

A4. Jenis permukaan batuan – batuan keras – hakisannya kurang, batuan lembut –hakisan tinggi

A5. Kecerunan – cerun curam hakisan giat, cerun landai hakisannya rendah.

A6. Litupan tumbuhan – kawasan litupan tumbuhan kurang hakisan, kawasan gondol hakisan lebih giat.

A7. Kegiatan manusia – pertanian, perlombongan, pembinaan

A8. Jenis iklim – kawasan iklim tropika yang kerap berlaku hujan menggiatkan proses hakisan

A9. Kekuatan ombak dan jenis ombak

A10. Orientasi pantai – pantai terlindung, pantai terdedah, teluk

A11 Arus pesisir pantai

A12 Pasang surut air laut

A13. Halangan semulajadi – pulau, beting pasir

**** tiada faktor hujan – markah maksimum - 9m***
**** Penegasan / kesimpulan yang berkaitan dan sesuai – 1m***

(b) Huraikan kesan proses luluhawa kimia terhadap aktiviti manusia. [12]

Kesan luluhawa kimia –

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Geografi

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta